

Jatuh



Pengenalan

Jatuh adalah antara kemalangan kanak-kanak di rumah yang paling sering berlaku di Malaysia. Kanak-kanak berumur 1 - 4 tahun lebih cenderung untuk sedera akibat jatuh. Mereka lebih berisiko disebabkan oleh tahap perkembangan dan keadaan persekitaran mereka. Jatuh boleh berlaku di mana sahaja.

- i. Dalam rumah. Contohnya jatuh dari :
 - a. Perabot
 - b. Tangga
 - c. Beranda
 - d. 'Walker' baby

- ii. Di kawasan luar rumah. Contohnya :
 - a. Di padang permainan.
 - b. Semasa menggunakan alat-alat permainan.

Kecederaan akibat jatuh

Akibat jatuh, kanak-kanak akan mengalami pelbagai jenis kecederaan seperti kecederaan :

- Tisu lembut - calar, terseliuh, luka dan melecek.
- Patah - bengkok, sakit dan cacat anggota.
- Kepala - bengkok kepala, berdarah di telinga, hidung dan mulut, mengantuk, muntah, sawan dan pengsan.
- Organ dalaman.

Kesan Serius Akibat Jatuh

Kecederaan otak yang kekal, menyebabkan tulang patah dan pertumbuhan terganggu. Kecederaan serius boleh menyebabkan kerosakan organ yang kekal atau kematian.

Rawatan

Rawatan yang diperlukan bergantung kepada jenis dan keterukan kecederaan.

- Jika kanak-kanak tersebut mengalami kecederaan kecil misalnya calar dan terseliuh, tekap kawasan cedera dengan air batu. Berikan anak anda ubat air penahan sakit (paracetamol) untuk mengurangkan kesakitan. Rehatkan kawasan cedera.
- Jika anak anda mendapat luka, cuci dengan air, tekap kawasan cedera dengan ibu jari untuk beberapa minit untuk memberhentikan darah mengalir dan rehatkan. Balut dengan kain bersih.
- Jika anda mengesyaki tulang anak anda patah, balutkan dengan selimut, kain yang tebal atau bantal untuk menghalang pergerakan. Gunakan kain untuk menggantung tulang yang patah pada anggota badan yang atas.
- Periksa kawasan balutan untuk pastikan pergerakan darah yang normal. Jika kulit menjadi sejuk atau berubah warna, longgarkan balutan.
- Jika anda mengesyaki anak anda cedera serius, sila dapatkan bantuan doktor.

Pencegahan

Kebanyakan kemalangan terjatuh boleh dicegah. Terdapat langkah-langkah untuk mencegahnya :

Tangga

- Pagarkan anak tangga bawah dan atas dan pintu rumah.
- Pastikan semua tangga diterangi cahaya lampu.
- Pastikan anak tidak dibiarkan berseorangan di tingkat atas, beranda atau di tempat yang tinggi.

Lantai

- Simpan semua permaidani yang dilipat dan barang tidak berselerak di lantai.
- Lapkan lantai basah akibat tumpahan air atau makanan dengan segera bagi mengelakkan lantai licin.



Susunan perabot

- Elakkan meletak kerusi dan perabot berhampiran tingkap.

- Cuci bilik mandi dengan kerap untuk mengelak lantai daripada berlumut dan menjadi licin.